



30 Disember 2016
30 December 2016
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2016

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 71 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2016**.

(2) Kecuali peraturan 4 dan perenggan 5(*c*) dan (*d*), Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

(3) Perenggan 3(*b*), (*c*) dan (*d*) terpakai bagi penamaan yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2017.

(4) Peraturan 4 dan perenggan 5(*c*) dan (*d*) berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 dan terpakai bagi permohonan untuk pengeluaran yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2018.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 [*P.U. (A) 409/2001*] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 6—

(*a*) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Ahli yang berumur lapan belas tahun atau ke atas boleh menamakan mana-mana—

(a) orang sebenar; atau

(b) institusi yang diluluskan oleh Lembaga,

untuk menerima amaun yang berada pada kreditnya dan kena dibayar kepadanya selepas kematiannya.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Ahli tidak dibenarkan untuk menamakan orang sebenar dan institusi pada masa yang sama.”;

(c) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “penamaan” perkataan “orang sebenar”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Seseorang ahli hanya boleh menamakan dalam Borang KWSP 4 satu institusi sahaja pada satu-satu masa.

(2B) Jika seseorang ahli yang bukan beragama Islam menamakan orang sebenar yang berumur kurang daripada lapan belas tahun sebagai orang yang dinamakan, ahli yang bukan beragama Islam itu boleh melantik suatu institusi yang diluluskan oleh Lembaga sebagai pemegang amanah untuk menguruskan amaun yang berada pada kredit ahli itu sekiranya pada masa permohonan pengeluaran dibuat di bawah perenggan 53B(2)(a) atau 54(1)(a) Akta orang yang dinamakan belum mencapai umur lapan belas tahun.”.

Pindaan peraturan 7

3. Subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

(aa) apabila institusi yang dinamakan digulungkan atau dibubarkan;”;

(b) dalam perenggan *(b)*—

(i) dengan memotong perkataan “bertulis”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(c) dalam perenggan *(c)*, dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan *(c)* perenggan yang berikut:

(d) bagi ahli yang beragama Islam, jika—

(i) orang yang dinamakan belum mencapai umur lapan belas tahun apabila permohonan pengeluaran di bawah perenggan 54(1)(a) Akta dibuat oleh orang yang dinamakan itu atau warisnya; atau

(ii) tiada permohonan pengeluaran di bawah perenggan 54(1)(a) Akta dibuat oleh orang yang dinamakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh kematian ahli.”.

Pindaan peraturan 8

4. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan “dua puluh lima ribu ringgit,” perkataan “atau jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu melebihi dua puluh lima ribu ringgit

tetapi tidak melebihi suatu amaun yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa,”;

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “dua puluh lima ribu ringgit” perkataan “dan amaun itu adalah melebihi amaun yang ditentukan oleh Lembaga dalam perenggan (a)”;

(B) dengan memotong perkataan “tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit daripada”; dan

(C) dalam subperenggan (ii), dengan menggantikan perkataan “baki bayaran berjumlah tujuh belas” dengan perkataan “dua puluh dua”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (5).

Pindaan peraturan 9

5. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1)(a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) dalam hal orang yang dinamakan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun—

(i) jika ahli beragama Islam, amaun yang berada pada kredit ahli itu hendaklah dibayar—

(A) kepada orang yang dinamakan sekiranya orang yang dinamakan mencapai umur lapan belas tahun sebelum permohonan pengeluaran dibuat di bawah

perenggan 54(1)(a) Akta, tertakluk kepada subperenggan 7(1)(d)(ii); atau

(B) mengikut peruntukan peraturan 8 dengan cara yang sama sebagaimana pembayaran kepada seorang ahli yang mati tanpa membuat suatu penamaan sekiranya penamaan itu terhenti berkuat kuasa di bawah subperenggan 7(d)(i) atau (ii);

(ii) jika ahli bukan beragama Islam—

(A) Lembaga tidak boleh membuat apa-apa pembayaran kepada orang yang dinamakan sehingga orang yang dinamakan itu mencapai umur itu, tetapi boleh, jika ditunjukkan sehingga memuaskan hati Lembaga bahawa adalah suai manfaat jumlah wang yang dinamakan itu atau mana-mana bahagian daripadanya hendaklah dibayar dan digunakan bagi nafkah atau selainnya bagi faedah orang yang dinamakan itu, membayar jumlah wang itu atau sebahagian daripadanya kepada mana-mana orang yang memuaskan hati Lembaga bahawa dia akan menggunakannya bagi maksud itu, tertakluk kepada penyempurnaan suatu aku janji oleh orang itu bahawa jumlah wang itu akan digunakan semata-mata bagi nafkah dan faedah orang yang dinamakan itu; atau

(B) sekiranya ahli melantik suatu institusi sebagai pemegang amanah, Lembaga hendaklah membayar kepada institusi itu bahagian yang ditentukan bagi orang yang dinamakan itu sebagaimana yang diarahkan oleh ahli itu dalam penamaan itu.”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Jika seseorang ahli mati dan terdapat penamaan dibuat mengikut Peraturan-Peraturan ini—

(a) orang sebenar yang dinamakan itu hendaklah menerima amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu—

(i) dalam hal ahli yang bukan beragama Islam, sebagai seorang benefisiari; atau

(ii) dalam hal ahli yang beragama Islam, sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai benefisiari dan hendaklah membahagi-bahagikan amaun itu mengikut Undang-Undang Islam; atau

(b) institusi yang dinamakan hendaklah menguruskan amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu sebagai wasi bagi ahli yang beragama Islam atau sebagai pentadbir bagi ahli yang bukan beragama Islam.”;

(c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Jika orang yang dinamakan mati selepas kematian ahli, tetapi sebelum apa-apa jumlah wang dibayar kepadanya sebagai orang yang dinamakan—

(a) jika ahli beragama Islam, amaun yang berada pada kredit ahli itu hendaklah disifatkan sebagai harta pusaka ahli itu dan jumlah wang yang kena dibayar hendaklah dibayar kepada warisnya mengikut peruntukan peraturan 8 dengan cara yang sama sebagaimana pembayaran kepada ahli yang mati tanpa membuat suatu penamaan; atau

(b) jika ahli bukan beragama Islam, amaun yang berada pada kredit ahli itu hendaklah disifatkan sebagai harta pusaka orang yang dinamakan dan jumlah amaun yang kena dibayar hendaklah dibayar kepada pemohon yang mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan disertakan dengan Borang KWSP 9KM (AHL) yang telah diisi dengan sewajarnya dengan syarat—

(i) jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit, atau jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu melebihi dua puluh lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi suatu amaun yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa, Lembaga boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta, membayar kredit ahli yang mati itu kepada orang yang pada pandangan Lembaga berhak dan berkemungkinan besar diberi Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau kepada orang yang pada pendapat Lembaga berhak secara benefisial kepada harta pusaka ahli yang mati itu seperti yang berikut:

(A) dua ribu lima ratus ringgit hendaklah dibayar apabila permohonan diterima dalam Borang KWSP 9KM (AHL) daripada orang yang disebut dalam subperenggan (i) dan Lembaga berpuas hati dengan permohonan itu; dan

(B) jika tiada Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian,

mengikut mana-mana yang berkenaan, dikemukakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh kematian, baki bayaran itu setelah ditolak bayaran dalam subsubperenggan (A) hendaklah dibayar kepada orang yang disebut dalam subperenggan (i); dan

(ii) jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu lebih daripada dua puluh lima ribu ringgit dan amaun itu adalah melebihi amaun yang ditentukan oleh Lembaga dalam subperenggan (i), Lembaga boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta, membayar amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu kepada orang yang disebut dalam subperenggan (i) seperti yang berikut:

(A) dua ribu lima ratus ringgit hendaklah dibayar apabila permohonan diterima dalam Borang KWSP 9KM (AHL) daripada orang yang disebut dalam subperenggan (i) dan Lembaga berpuas hati dengan permohonan itu;

(B) dua puluh dua ribu lima ratus ringgit hendaklah dibayar selepas tempoh dua bulan dari tarikh kematian itu kepada orang yang disebut dalam subperenggan (i); dan

(C) baki amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu selepas pembayaran di bawah subperenggan (A) dan (B) hendaklah dibayar apabila Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian dikemukakan.”; dan

(d) dengan menggantikan subperaturan (3A) dengan subperaturan yang berikut:

“(3A) Subperaturan 8(2), (2A), (3), dan (4) hendaklah terpakai berhubung dengan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian yang dikemukakan berkenaan dengan harta pusaka orang yang dinamakan.”.

Pindaan peraturan 11

6. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “boleh”; dan

(b) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “yang kena dibayar”.

Peruntukan peralihan

7. (1) Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu yang berkuat kuasa sebaik sebelum berkuatkuasanya subperaturan 3(b), (c) dan (d) hendaklah terus terpakai bagi semua penamaan yang dibuat sebelum 1 Januari 2017.

(2) Peraturan 8, perenggan 9(1)(a) dan subperaturan 9(3) dan (3A) Peraturan-Peraturan ibu yang berkuat kuasa sebaik sebelum berkuatkuasanya peraturan 4 dan perenggan 5(c) dan (d) hendaklah terus terpakai bagi semua permohonan pengeluaran yang dibuat sebelum 1 Januari 2018.

Dibuat 29 Disember 2016

[KK/SID(S)/9/419/379/23/1]ld.39; KWSP/JUU/S/008/11(11)/Vol.3; PN(PU2)498/X]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by section 71 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Minister, on the recommendation of the Board, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Regulations 2016**.

(2) Except regulation 4 and paragraphs 5(*c*) and (*d*), these Regulations come into operation on 1 January 2017.

(3) Paragraphs 3(*b*), (*c*) and (*d*) shall apply to nominations made on or after 1 January 2017.

(4) Regulation 4 and paragraphs 5(*c*) and (*d*) come into operation on 1 January 2018 and shall apply to withdrawal applications made on or after 1 January 2018.

Amendment of regulation 6

2. The Employees Provident Fund Regulations 2001 [*P.U. (A) 409/2001*], which is referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 6—

(*a*) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A member of the age of eighteen years or above may nominate any—

(a) natural person; or

(b) institution approved by the Board,

to receive the amount standing to his credit and due to him after his death.”;

(b) by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) A member is not allowed to nominate a natural person and an institution at the same time.”;

(c) in subregulation (2), by inserting after the word “nomination” the words “of a natural person”; and

(d) by inserting after subregulation (2) the following subregulations:

“(2A) A member may only nominate in Form EPF 4 one institution at any one time.

(2B) Where a non-Muslim member nominates a natural person below the age of eighteen years as a nominee, the non-Muslim member may appoint an institution approved by the Board as a trustee to manage the amount standing to his credit if at the time the withdrawal application under paragraph 53B(2)(a) or 54(1)(a) of the Act is made the nominee has not attained the age of eighteen years.”.

Amendment of regulation 7

3. Subregulation 7(1) of the principal Regulations is amended—

(a) by inserting after paragraph (a) the following paragraph:

“(aa) upon the winding up or dissolution of the nominated institution;”;

(b) in paragraph (b)—

(i) by deleting the word “written”; and

(ii) by deleting the word “or” at the end of that paragraph;

(c) in paragraph (c), by substituting for the full stop at the end of that paragraph the words “; or”; and

(d) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

“(d) for a Muslim member, if—

(i) the nominee has not attained the age of eighteen years when the withdrawal application under paragraph 54(1)(a) of the Act is made by such nominee or his heir; or

(ii) no withdrawal application under paragraph 54(1)(a) of the Act is made by the nominee within one year from the date of the member’s death.”.

Amendment of regulation 8

4. Regulation 8 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) in paragraph (a), by inserting after the words “twenty-five thousand ringgit,” the words “or where the amount standing to the credit of the deceased member is more than twenty-five thousand ringgit but does not exceed an amount determined by the Board from time to time,”;

(ii) in paragraph (b)—

(A) by inserting after the words “twenty-five thousand ringgit,” the words “and the amount exceeds the amount determined by the Board in paragraph (a);

(B) by deleting the words “not more than twenty thousand ringgit of”; and

(C) in subparagraph (ii), by substituting for the words “the balance of seventeen” the words “twenty-two”; and

(b) by deleting subregulation (5).

Amendment of regulation 9

5. Regulation 9 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for paragraph (1)(a) the following paragraph:

“(a) in the case of a nominee who is under the age of eighteen years—

(i) where the member is a Muslim, the amount standing to the credit of such member shall be paid—

(A) to the nominee if the nominee attains the age of eighteen years before the withdrawal application under paragraph 54(1)(a) Act is made, subject to subparagraph 7(1)(d)(ii); or

(B) according to the provisions of regulation 8 in the same manner as a payment to a member who dies without having made a nomination if the nomination ceases to have effect under subparagraph 7(d)(i) or (ii);

(ii) where the member is a non-Muslim—

(A) the Board shall not make any payment to the nominee until he attains that age, but may, if it is shown to the satisfaction of the Board that it is expedient that the sum nominated or any part thereof shall be paid and applied for the maintenance or otherwise for the benefit of that nominee, pay such sum or part thereof to any person who satisfies the Board that he will apply it for such purposes, subject to the execution of an undertaking by such person that such sum will be applied solely for the maintenance and benefit of that nominee; or

(B) if the member appoints an institution as a trustee, the Board shall pay to such institution the amount of the specified part for the nominee as directed by the member in the nomination.”;

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Where a member dies having made a nomination in accordance with these Regulations—

(a) the natural person or persons nominated shall receive the amount standing to the credit of such deceased member—

(i) in the case of a non-Muslim member, as a beneficiary or beneficiaries; or

(ii) in the case of a Muslim member, as an executor or executors and not solely as a beneficiary and

shall distribute such amount in accordance with the Islamic Law; or

(b) the institution nominated shall manage the amount standing to the credit of the deceased member as an executor to a Muslim member or administrator to a non-Muslim member.”;

(c) by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) Where a nominee dies after the death of a member, but before any sum has been paid to him as a nominee—

(a) where the member is a Muslim, the amount standing to the credit of such member shall be deemed to be the estate of such member and the amount of money payable shall be paid to his heir according to the provisions of regulation 8 in the same manner as a payment to a member who dies without having made a nomination; or

(b) where the member is a non-Muslim, the amount standing to the credit of such member shall be deemed to be the estate of the nominee and the amount of money payable shall be paid to the applicant who produces the Grant of Probate or Letters of Administration or Distribution Order, as the case may be, and accompanied by the duly completed Form EPF 9KM (AHL) provided that—

(i) where the amount standing to the credit of the deceased member does not exceed twenty-five thousand ringgit, or where the amount standing to the credit of the deceased member is more than twenty-five thousand ringgit but does not exceed

an amount determined by the Board from time to time, the Board may, subject to the rules made under the Act, pay the credit of the deceased member to a person who appears to the Board to be entitled and likely to be given the Grant of Probate or Letters of Administration or Distribution Order or to a person who in the opinion of the Board is beneficially entitled to the estate of the deceased nominee as follows:

- (A) two thousand five hundred ringgit shall be paid upon receipt of the application in Form EPF 9KM (AHL) from the person referred to in subparagraph (i) and the Board is satisfied with such application; and
 - (B) where there is no Grant of Probate or Letters of Administration or Distribution Order, as the case may be, produced within the period of two months from the date of the death, the balance of the payment after deducting the payment in subsubparagraph (A) shall be paid to the person referred to in subparagraph (i); and
- (ii) where the amount standing to the credit of the deceased member is more than twenty-five thousand ringgit, and the amount exceeds the amount determined by the Board in subparagraph (i), the Board may, subject to the rules made under the Act, pay the amount standing to the credit of

the deceased member to the person referred to in subparagraph (i) as follows:

- (A) two thousand five hundred ringgit shall be paid upon receipt of the application in Form EPF 9KM (AHL) from the person referred to in subparagraph (i) and the Board is satisfied with such application;
- (B) twenty-two thousand five hundred ringgit shall be paid after the period of two months from the date of such death to the person referred to in subparagraph (i); and
- (C) the balance of the amount standing to the credit of the deceased member after the payment under subparagraphs (A) and (B) shall be paid when the Grant of Probate or Letters of Administration or Distribution Order is produced.”; and

(d) by substituting for subregulation (3A) the following subregulation:

“(3A) Subregulations 8(2), (2A), (3), and (4) shall apply in relation to the Grant of Probate or Letters of Administration or Distribution Order produced in respect of the estate of the nominee.”.

Amendment of regulation 11

6. Regulation 11 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the word “shall” wherever appearing the word “may”; and

(b) in subregulation (1), by deleting the word “payable”.

Transitional provision

7. (1) Regulation 7 of the principal Regulations in force immediately before the coming into operation of paragraphs 3(b), (c) and (d) shall continue to apply to all nominations made before 1 January 2017.

(2) Regulation 8, paragraph 9(1)(a) and subregulations 9(3) and (3A) of the principal Regulations in force immediately before the coming into operation of regulation 4 and paragraphs 5(c) and (d) shall continue to apply to all withdrawal applications made before 1 January 2018.

Made 29 December 2016

[KK/SID(S)/9/419/379/23/1]ld.39; KWSP/JUU/S/008/11(11)/Vol.3; PN(PU2)498/X]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance